

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED

TARIKH : 4 JULAI 2019

SOALAN : 107

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kakitangan Axiata di Malaysia dan seluruh dunia ketika ini dan apakah Kerajaan yakin dengan jaminan yang diberikan oleh Pengerusi Axiata bahawa tidak ada pekerja yang akan terpaksa diberhentikan susulan penggabungan antara Axiata dan Telenor.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Ahli Yang Berhormat pada masa ini, Axiata Group Berhad (Axiata) mempunyai 311 kakitangan di Malaysia. Jumlah ini tidak termasuk 2,661 orang kakitangan yang bertugas di anak syarikatnya, Celcom Axiata Berhad (Celcom) serta 223 orang kakitangan di bawah sayap digital Axiata di Malaysia. Secara keseluruhannya, Kumpulan Axiata mempunyai 10,878 orang kakitangan yang bertugas di anak-anak syarikatnya yang beroperasi di beberapa negara ASEAN dan Asia Selatan.

Ketika mengumumkan cadangan penggabungan Axiata dan Telenor ASA (Telenor) bagi mewujudkan syarikat telekomunikasi terbesar di rantau Asia Tenggara dan Asia Selatan pada 6 Mei 2019, Ketua Pegawai Eksekutif

SOALAN NO. 107

Axiata telah memaklumkan bahawa penggabungan yang dirancang antara dua syarikat telekomunikasi tersebut adalah sebuah penggabungan setaraf atau merger of equals. Dan salah satu syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Axiata kepada Telenor dan tidak boleh dirunding (non-negotiable) adalah jaminan pekerjaan iaitu jaminan bahawa tiada kakitangan akan yang akan diberhentikan secara paksa akibat daripada penggabungan ini. Syarat ini telah dipersetujui oleh pihak Telenor. Kedua-dua pihak kini sedang meneliti cadangan penggabungan ini dengan lebih terperinci dan akan memuktamadkannya pada suku ketiga tahun ini.

Sungguhpun penggabungan ini akan memberi banyak manfaat kepada syarikat dan juga negara, Axiata tidak akan meneruskan perbincangan selanjutnya sekiranya terdapat isu-isu yang akan menjejaskan kebajikan pekerjaannya. Namun begitu, sekiranya ada keperluan untuk mengurangkan tenaga pekerja, ia hanya akan dilaksanakan melalui proses penawaran Skim Pemisahan Sukarela atau VSS. Di bawah skim ini, kakitangan tidak akan dipaksa untuk berhenti kerja tetapi boleh memilih untuk meninggalkan Axiata atau Celcom selepas penggabungan dimuktamadkan kelak.

Hasil penggabungan ini sebaliknya dijangka akan menghasilkan lebih banyak pekerjaan di Malaysia dalam sektor digital dan telekomunikasi, peluang menjana kemahiran dalam sektor digital serta peluang pekerjaan di anak-anak syarikat di negara serantau. Pekerjaan baharu juga akan diwujudkan hasil daripada syarikat gabungan baharu ini meneroka bidang baharu seperti internet broadband untuk kediaman, enterprise, serta pembinaan Pusat Inovasi Serantau.

Sekian, terima kasih.